

Ultras Malaya musnahkan masa depan bola sepak negara

Marahkan nyamuk kelambu dibakar' itulah tindakan kurang bijak Ultras Malaya yang membakar suar secara besar-besaran tanda protes terhadap Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dalam insiden kekecohan di Stadium Shah Alam terhadap prestasi buruk bola sepak negara tanpa memikirkan masalah lebih teruk akan berlaku kepada masa depan bola sepak negara.

Sungguh hampa. Sebagai peminat biasa yang datang ke stadium menyaksikan kemenangan Malaysia sekali gus membuka peluang Malaysia untuk layak ke Piala Asia, dimusnahkan sendiri oleh peminat tegar bola sepak negara, Ultras Malaya.

Agenda utama perkenal negara di mata dunia

Agenda utama kita adalah melihat bola sepak negara sekurang-kurangnya beraksi pada Piala Dunia kerana itulah tahap yang perlu kita capai bagi memperkenalkan bola sepak negara pada mata dunia.

Bagaimanapun, situasi mendatang pasti akan berubah. Jika kita mampu melahirkan pemain berkualiti seperti, Lionel Messi atau Cristiano Ronaldo sekali pun, pemain pasti tidak berpeluang membawa bola sepak negara pada peringkat antarabangsa kerana insiden ini.

Ambil iktibar kegagalan Indonesia unggul AFC

Contoh yang perlu kita lihat untuk dijadikan iktibar adalah bola sepak negara jiran, iaitu kelab Persipura Jayapura dari Indonesia yang gah mengungguli pasukan teratas kumpulan Piala Asia (AFC) pada bulan lalu. Mereka sepatutnya berdepan pasukan negara, Pahang FA pada peringkat suku akhir pada Mei lalu, musnah apabila kelab itu didapati tidak layak bertanding mengikut Peraturan Pertandingan dan Kod Tata Tertib AFC kerana Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI) gagal menyelesaikan masalah mereka dengan kerajaan, sekali gus memberi kemenangan percuma kepada Pahang FA.



Reaksi peminat yang mengejutkan kerana hampa dengan prestasi buruk bola sepak negara pada perlawanan di Stadium Shah Alam, baru-baru ini.

[GAMBAR HIASAN]

PSSI juga dibatalkan serta merta untuk mengikuti kejohanan anjuran AFC dan juga FIFA sehingga mereka memenuhi peraturan dalam akta 13 dan 17 Undang-undang FIFA. Bukan pemain sahaja hampa, malah peminat Persipura Jayapura yang

mengimpikan final, menahan kesedihan berhubung insiden itu.

Jadi, adakah kita seluruh rakyat Malaysia bakal merasai kehampaan sama yang pernah dirasai oleh peminat Indonesia?

Program pembangunan bola sepak negara seperti pencarian

bakat baru mestilah dilaksanakan dengan teliti supaya pemain yang benar-benar berbakat tidak terlepas pandang oleh pelaksana program FAM.

Muhammad Azlan Ahmad Nazri
Universiti Sains Islam Malaysia